

Suspek hina Nabi Muhammad direman tiga hari

BERITA HARAPAN 21/12/19

MS 21

Kuala Lumpur: Lelaki tempatan yang ditahan kerana menghina Nabi Muhammad SAW menerusi sebuah laman Facebook (FB), kelmarin, direman tiga hari sehingga esok.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata suspek berusia 68 tahun itu ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu atas alasan agama yang boleh menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau permusuhan, benci membenci atau niat jahat atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan.

Katanya, siasatan turut dijalankan mengikut Seksyen 233 Akta

Komunikasi dan Multimedia, iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

"Jangan sesekali memuat naik atau berkongsi sebarang bentuk provokasi yang boleh menyentuh sensitiviti agama dan perkauman sehingga membangkitkan ketegangan kaum dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Sebanyak 395 laporan polis diterima di seluruh negara berikutan status penghinaan terhadap Nabi Muhammad di akaun FB menggunakan nama Foo Sing Wai itu.

Kelmarin, Ketua Polis Pahang, Datuk Mohd Zakaria Ahmad dilaporkan berkata, suspek ditahan

di rumahnya di Mentakab, Temerloh, Pahang, jam 11.30 pagi.

Suspek kemudiannya diserahkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat untuk siasatan sebelum diserahkan kepada Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman untuk tindakan lanjut.

Isnin lalu, seorang pengguna FB dikatakan memuat naik gambar kartun berunsur penghinaan ke atas Nabi Muhammad SAW dan isteri, Saidatina Aisyah sebelum ia viral di media sosial.

Gambar kartun itu ditulis dengan perkataan Muhammad pada lelaki dewasa dan kanak-kanak berusia enam tahun sebagai Aisyah.

Penularan status berkenaan me-

ngundang kemarahan dan rasa tidak senang netizen terutama mereka yang beragama Islam.

Ambil tindakan tegas

Di Ipoh, Mufti Perak, Tan Sri Dr Harussani Zakaria mendesak pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap pemilik akaun FB terbit yang melakukan provokasi melampau menghina Nabi Muhammad SAW.

Beliau berkata, tindakan tegas mengikut lunas undang-undang itu perlu, sebagai pengajaran kepada seluruh rakyat di negara ini yang cintakan keamanan dan perpaduan antara kaum dan agama.

"Perbuatan penghinaan itu jelas bercanggah dengan titah Sultan

Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, ketika merasmikan istiadat pembukaan Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 tahun lalu yang meminta semua pihak menghormati Perkara 153 Perlembagaan.

"Titah baginda jelas bahawa perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan yang menentukan kedudukan Raja-Raja Melayu, agama Islam, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum lain menurut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, sama sekali tidak boleh disensasikan oleh mana-mana pihak," katanya menerusi kenyataan, semalam.